



JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## CAJ PERKHIDMATAN (CaP)

## EXIT & ENTRY SYSTEM (EES)

Akta Bayaran Keluar dan Bayaran Masuk,  
Penggal 232  
(Exit and Entry Charges Act, Chapter 232)



### PAS PERJALANAN KERAP FREQUENT COMMUTER PASS (FCP)

Kelayakan:

- Pelajar Negara Brunei Darussalam atau Malaysia bagi tujuan belajar sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di Malaysia.
- Rakyat Negara Brunei Darussalam atau Malaysia bagi tujuan bekerja.
- Hendaklah mempunyai rekod sekurang-kurangnya lima belas (15) kali perjalanan merentas sempadan dalam sebulan.

### KADAR BAYARAN

BIL	KATEGORI	KADAR PAKEJ BAYARAN BAGI SEORANG		
		1 BULAN	3 BULAN	6 BULAN
1.	Pelajar	BND 30	BND 90	BND 180
2.	Pekerja	BND 50	BND 150	BND 300

### TATACARA FCP



### KUASA DAN TINDAKAN YANG BOLEH DIAMBIL DI BAWAH AKTA BAYARAN KELUAR DAN BAYARAN MASUK, PENGGAL 232

Bab 6:- Bayaran keluar dan bayaran masuk hendaklah dibayar setiap kali hendak masuk atau keluar, atau semasa masuk atau keluar Negara Brunei Darussalam melalui darat.

Bab 12:- Bila mana orang telah melakukan atau disyaki oleh Pengawal dan pegawai Kastam telah melakukan kesalahan di bawah Bab 6 Akta Bayaran Keluar dan Bayaran Masuk (Penggal 232), Pengawal atau pegawai Kastam boleh mlarang orang tersebut untuk keluar atau masuk ke Negara Brunei Darussalam.

Bab 16:- Pengawal atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis bagi mewakili Pengawal boleh mengenakan kompaun ke atas kesalahan di bawah Akta Bayaran Keluar dan Bayaran Masuk (Penggal 232) dengan mengutip daripada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan sejumlah tidak melebihi BND500.



## KADAR BAYARAN CAJ PERKHIDMATAN (CaP):



Semua warganegara dikenakan caj bagi setiap perjalanan keluar dan masuk ke Negara Brunei Darussalam melalui pos- pos kawalan darat samada menggunakan kenderaan atau berjalan kaki.

## PERHATIAN

Sila buat permohonan dan pembayaran Caj Perkhidmatan (CaP) terlebih dahulu sebelum melakukan perjalanan.

Dokumen perjalanan hendaklah sah sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa membuat permohonan dan lesen kenderaan hendaklah masih sah semasa membuat perjalanan.

Kod QR akan dijana setelah pembayaran selesai.

## PENDAFTARAN, PERMOHONAN DAN PEMBAYARAN CaP melalui:

### *Exit and Entry System (EES)*

<https://login.bdnsw.gov.bn/ees> 



- Bayaran secara **dalam talian (online)** menggunakan Kad Kredit atau Kad Debit.
- Kaunter Pembayaran Bank.
- Pembayaran hendaklah dibuat **awal** sebelum membuat perjalanan di pos- pos kawalan.

### Tatacara Permohonan



### Tatacara Pembayaran



## KATEGORI-KATEGORI YANG DIKECUALIKAN DARIPADA BAYARAN CaP

1. Orang yang menggunakan kenderaan berikut:

- Kenderaan yang dimiliki oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam atau Kerajaan daripada luar negara bagi kegunaan rasmi.
- Kenderaan yang dimiliki oleh Angkatan Tentera.
- Kenderaan yang digunakan bagi bantuan kebakaran, Ambulan dan Polis.
- Bagi tujuan pengebumian.

2. Kanak-kanak yang berumur dua (2) tahun dan ke bawah.

3. Pegawai dan kakitangan konsular di dalam *Consular Relations Act (Chapter 118)* dan ahli keluarganya.

4. Ejen diplomatik yang dinyatakan di dalam *Schedule to the Diplomatic Privileges*.

Nota:

- Bagi yang dikategorikan dibawah Pengecualian adalah masih dikehendaki untuk mendapatkan pas EES.
- Mana-mana bayaran yang terlebih bayar tidak akan dikembalikan (*non-refundable*).